517:
MAHATHIR 1975



JITRA 23 MAC (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MEMBELANJAKAN SEBANYAK $100 JUTA UNTUK UNIVERSITI-UNIVERSITI DI NEGARA INI DARI PERUNTUKAN BERJUMLAH $1,200 JUTA KEPADANYA.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, MENYATAKAN SEBANYAK $30 JUTA DIBELANJAKAN UNTUK INSTITUT TEKNOLOJI MARA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENEMUI PENDUDUK-PENDUDUK DI RANCANGAN FELDA GUAR NAPAI, 10 BATU DARI SINI, PETANG KELMARIN.

TAMBAHNYA, TIAP-TIAP TAHUN KERAJAAN MEMBELANJAKAN $1 JUTA UNTUK PELAJAR-PELAJAR YANG TINGGAL DI ASRAMA PENUH.

BELIAU SETERUSNYA MENYERU PARA PELAJAR SUPAYA BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN JANGANLAH MELANCARKAN SEBERANG TUNJUK PERASAAN KERANA PERKARA YANG KECIL.

BELIAU JUGA MENYERU PARA IBUBAPA SUPAYA MENGAWASI ANAK-ANAK MEREKA YANG BELAJAR DI INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN TINGGI. - BERSAMBUNG 1212/HS

518:
MAHATHIR 2 JITRA

KATANYA, KERAJAAN HANYA AKAN MENARIK BIASISWA BAGI PELAJAR-PELAJAR YANG ENGGAN BELAJAR.

SEBELUM ITU, PENGURUS FELDA DI SINI, TUAN HAJI DAMIRI BIN ABDUL HAMID BERKATA TAHUN LALU, PENDAPATAN SEORANG PENEROKA IALAH $276 SEORANG.

RANCANGAN TERSEBUT MEMPUNYAI SERAMAI 144 ORANG PENEROKA TERDIRI DARI ORANG MELAYU DAN THAI. - BERNAMA 1216/HS